

Headline	Kempen Pemilikan Rumah akan diperkenal semula		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 May 2020	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	82,252
Page No	26	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	623 cm <sup>2</sup>
Journalist	Hazwan Faisal Mohamad	AdValue	RM 20,709
Frequency	Daily	PR Value	RM 62,126



# Kempen Pemilikan Rumah akan diperkenal semula

HOC 2.0 bantu pemaju jual kediaman, rancakkan pasaran hartanah

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@nsp.com.my

**Kerajaan** mungkin memperkenalkan semula Kempen Pemilikan Rumah (HOC) 2.0 dalam tempoh terdekat bagi membantu pemaju menjual projek hartanah kediamaan.

Ini sekali guna bakal merancakkan pasaran hartanah yang mula terkesan dengan wabak COVID-19, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.

Beliau berkata, kempen itu adalah sebuah daripada perancangan jangka pendek tiga tahun bagi membantu menstabilkan industri perumahan.

Katanya, perancangan jangka pendek itu dijangka diumumkan selepas Aidilfitri.

"Pada prinsipnya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kementerian Kewangan (MOF) akan merancang dan membentangkan perancangan jangka pendek tiga tahun bagi menstabilkan industri pembangunan dan hartanah akibat COVID-19.

"Kemungkinan besar kita

akan memperkenalkan semula Kempen Pemilikan Rumah (HOC) bagi membantu pemaju menjual hartanah kediamaan mereka," katanya kepada BH.

Menyertai Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz dan Zuraida kelmarin mengadakan sesi libat urus bersama wakil sektor perumahan seperti Persatuan Penjaja Hartanah dan Perumahan (REHDA), Lembaga Pembangunan Industri Pembiayaan Malaysia (CIDB), Persatuan Kontraktor Binaan Malaysia (MBAM) dan Institut Ejen Hartanah Malaysia (MIEA).

Dalam ciapannya, Tengku Zafrul berkata, antara isu yang dibincangkan termasuk cabaran yang dihadapi disebabkan COVID-19, meningkatkan permintaan pengguna dan memulihkan keyakinan pelabur.

"Saya harga segala pandangan yang dibentangkan oleh pihak yang hadir dalam misi membela pulih ekonomi ini," katanya.

HOC diperkenalkan pada Januari 2019 dengan menawarkan pengecualian duti setem bagi surat cara pembelian rumah dan surat cara perjanjian pinjaman untuk rumah serta pembelian diskau 10 peratus kepada rumah yang dijual dalam kemasan itu.

Setakat November tahun lalu, HOC berjaya menjual 28,000 unit kediamaan bernilai RM21 bilion.

Sementara itu Presiden REHDA, Datuk Ir Soam Heng Choon, berkata pengenalan HOC itu adalah antara beberapa cadangan yang dikemukakan oleh pihaknya sewaktu mengadakan per-

 Mengenai sama ada HOC kali ini akan sama dengan yang lalu, apa yang boleh saya katakan kita ada minta supaya diberi insentif tambahan.

Ir Soam Heng Choon,  
Presiden REHDA

temuan dengan MOF.

Selain HOC, REHDA juga katananya mencadangkan kepada kerajaan supaya menyifarkan kadar cukai keuntungan harta tanah (RPGT) bagi merancakkan kembali pasaran hartanah tempatan.

"Cadangan yang lain biarlah kerajaan umumkan nanti, saya tidak mahu mendahului keputusan mereka."

"Mengenai sama ada HOC kali ini akan sama dengan yang lalu, apa yang boleh saya katakan kita ada minta supaya diberi insentif tambahan.

"Setiap kali sakit takkan makan ubat sama, jadi kita minta ubat tambahan. Memandangkan sakit kali ini adalah lebih kuat, jadi kita mohon supaya (kerajaan) berikan dos yang lebih kuat," katanya merujuk kepada HOC 2.0.

Ditanya mengenai jumlah rumah yang tidak terjual setakat ini, beliau berkata, angkanya tidak berubah memandangkan pemaju tidak melancarkan projek baharu ketika ini.